

## **Cadangan Bagi Pembaikan Dan Pembaharuan Program Pemakmuran Masjid**

© Muhammad Haniff Hassan

Artikel ini cuba mencadangkan beberapa program pengisian masjid untuk dipertimbangkan oleh para lembaga pentadbir masjid di Singapura dengan mengambil kira pembaikan-pembaikan bagi menghadapi suasana akan datang. Ia diharap dapat membantu para pentadbir masjid yang sedia ada dan masjid yang akan dibina bagi pembaikan dan pembaharuan program mereka.

Fokus artikel ini ialah untuk melontar sesuatu yang dirasakan baru atau belum popular pelaksanaannya bukan untuk bercakap mengenai apa yang telah sedia berjalan.

### **Program-program Tradisi**

#### **1. Program Madrasah Masjid**

Walau pun program ini adalah program tradisi tetapi ia adalah satu program yang amat relevan dan penting untuk hari ini dan akan datang. Kepentingan bagi program ini boleh dilihat dari sudut bahawa pada setiap tahun dianggarkan sekitar 50,000 anak-anak Melayu / Islam menuntut di sekolah rendah di Singapura. Dari jumlah ini, mengikut data yang ada pada MUIS, hanya sekitar 18,000 sahaja yang mengikuti program madrasah masjid di merata Singapura. Ini menunjukkan masih terdapat sejumlah besar lagi anak-anak Melayu / Islam yang tidak diketahui dari mana asas pendidikan agama sebagai pembentuk nilai dan moral kehidupan diperolehi.

Hakikat ini sepatutnya menimbulkan keprihatinan yang tinggi kepada kita kerana ia amat berkaitan dengan gejala sosial di kalangan remaja hari ini. Penulis meyakini bahawa untuk menangani masalah sosial remaja kita, penanaman asas agama mempunyai peranan penting.

Sebab itu perkara di atas berlaku, ialah kerana kekurangan infrastruktur sendiri untuk menampung keseluruhan jumlah anak-anak Melayu / Islam yang ada. Oleh itu adalah penting untuk setiap masjid melaksanakan program ini dan program ini seharusnya dijadikan antara program teras di masjid-masjid.

Beberapa cadangan bagi program madrasah masjid untuk dipertimbangkan, ialah:

- Menganjurkan madrasah masjid diperingkat menengah.

Tidak banyak masjid menjalankan program ini kerana keterbatasan ruang tetapi ia adalah penting kerana puluhan ribu anak-anak Melayu / Islam di sekolah menengah memerlukan bimbingan agama khususnya dalam masa umur yang mencabar.

Masjid-masjid diperingkat zon mungkin perlu membuat penyelarasan dengan memastikan masjid tertentu mengkhusus bagi madrasah rendah dan masjid tertentu pula bagi madrasah menengah.

- Menyediakan khidmat pengangkutan bagi para pelajar madrasah masjid.

Untuk memastikan khidmat ini bersifat ekonomikal, penyelarasan antara masjid di peringkat zon diperlukan. Dengan menyediakan pengangkutan juga membolehkan masjid menawarkan programnya ke kawasan yang lebih meluas bukan hanya setakat di kejirannya sahaja.

- Memastikan jalur pendidikan yang berkesinambungan.

Yang dimaksudkan jalur pendidikan yang berkesinambungan ialah menawarkan program madrasah di peringkat rendah, menengah dan lanjutan seterusnya.

Model jalur pendidikan PERDAUS sebagaimana dalam rajah mungkin dapat dicontohi. Merealisasikan perkara ini, tidak semestinya menuntut setiap masjid melaksanakannya sendiri tetapi ia hanya memerlukan keterbukaan untuk bersinergi, bekerjasama dan penyelerasan. Sebagai contoh, masjid tidak perlu melaksanakan sendiri program di peringkat sijil tetapi melakukan perbincangan dengan pihak PERDAUS untuk mendapat pengiktirafan bagi program madrasah menengahnya agar para pelajarnya dapat diterima untuk melanjutkan pengajian di peringkat itu sekiranya mereka memohon untuk mengikutinya.

Jalur pendidikan seperti ini akan memberi nilai tambah bagi program madrasah masjid dan pastinya akan lebih mewujudkan satu daya tarikan di masa akan datang.

## 2. Program Tadika & Tajaka.

Program ini tidak sepenting program madrasah masjid tetapi ia boleh membantu kejayaan program madrasah masjid. Pelaksanaan program ini akan membantu untuk mewujudkan satu kelompok kanak-kanak yang akan mengikuti program madrasah masjid sebagai penerusan pendidikan mereka.

Program ini juga akan membantu masjid untuk mendapatkan tenaga sukarelawan untuknya kerana, berdasarkan pengalaman beberapa ahli pentadbir masjid, ibu bapa yang menghantar anak-anaknya ke tadika di masjid lebih mudah untuk memberi komitmen kepada aktiviti masjid. Untuk menjayakan sesuatu program, setengah-setengah masjid meletakkan syarat perlu mengikuti program tertentu untuk menjamin tempat bagi anaknya di tadika masjid berkenaan.

Beberapa cadangan yang berkaitan dengan program ini ialah;

- Peningkatan dalam latihan guru.

Oleh kerana tadika masjid tidak berada dalam pengawasan Kementerian Pembangunan Masyarakat, maka terdapat semacam kelonggaran dalam soal pengambilan guru tadika dan latihan mereka sehingga memberi kesan kepada pelaksanaan program berkenaan. Dalam hal ini perlulah masjid-masjid memastikan kewujudan guru terlatih dari program yang diiktiraf. Sebagai pelengkap dan usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam pelaksanaan program pembangunan kanak-kanak oleh guru-guru tadika masjid, satu program khusus

mengenai pembangunan kanak-kanak dari perspektif Islam perlu di adakan bagi guru-guru tadika masjid. Program ini boleh dijalankan oleh zon-zon tertentu atau oleh Majlis Masjid-masjid.

- Sinergi & Rangkaian.

Sekiranya sesebuah masjid tidak dapat melaksanakan program tadika / tajaka di tempatnya, maka dicadangkan agar ia bersinergi dengan tadika dan tajaka yang ada dikejirannya untuk mereka menjadi semacam *feeder* kepada program madrasah masjidnya. Sinergi seperti ini memberi faedah kepada masjid kerana memudahkan ia mendapat penyertaan bagi program madrasahnyanya dan memberi faedah kepada tadika dan tajaka berkenaan kerana memberi nilai tambah bagi programnya.

### 3. Program Kuliah Maghrib.

Beberapa cadangan bagi program ini, ialah:

- Satu penstrukturan dalam kandungan pelajaran bagi setiap kelas perlu dilakukan. Penstrukturan ini dilakukan dengan mewujudkan satu pelan pengajaran samada oleh pentadbir masjid atau ustaz yang mengajar agar di sana ada kejelasan pada setiap pengajian apa yang akan di ajar, dari mana hingga ke mana.
- Kandungan kuliah Maghrib mungkin perlu diperluaskan dari hanya menyentuh pelajaran-pelajaran tradisi seperti Fiqh, Tauhid dan Tasawuf sahaja tetapi juga menyentuh pengajian Ulum Al-Hadith, Ulum Al-Quran, Usul Fiqh, Tasawur Islam, Fiqh Dakwah dan lain-lain.

### **Program-program Bukan Tradisi**

#### 4. Program Pengajian Islam Bermodul.

Ini adalah satu program yang mana masyarakat mempelajari sesuatu topik mengenai Islam dalam satu jangka masa tertentu seperti mempelajari bab solat dalam tempoh 10 minggu dengan kuliah satu jam setengah setiap minggu.

Program seperti ini akan memastikan pengajian Islam dipelajari dengan lebih berstruktur dengan itu membolehkan masyarakat mempelajari Islam dengan lebih meluas bukan hanya terhad kepada bab ibadat semata-mata dalam persoalan fiqh atau rukun iman semata-mata dalam persoalan tauhid. Program bermodul juga membolehkan kelas-kelas pengajian Islam dikendalikan berdasarkan peringkat umur dan tahap pemahaman seseorang. Sistem ini berbeza dengan sistem kuliah Maghrib yang masih banyak dijalankan di masjid-masjid. Walau pun sistem kuliah Maghrib ini baik namun kelemahannya ialah, dalam banyak keadaan, ia berjalan tanpa struktur kandungan yang jelas (hanya berdasarkan buku teks sahaja) dan lambat (mempelajari bab toharah sahaja selama dua tahun)

Cadangan yang boleh dibuat bagi program ini, ialah:

- Di peringkat zon, masjid-masjid boleh melakukan penyelarasan. Iaitu setiap masjid di zon tertentu mengkhusus pada bab Muamalat dalam Islam atau bab Munakahat dalam Islam atau Pengajian Al-Quran atau Pengajian Al-Hadits.

#### 5. Kaunselling dan Kemusykilan Agama.

Baru-baru ini telah wujud perkembangan baik dari sudut pembaharuan dalam pengurusan kemusykilan agama melalui majlis-majlis khusus dan penjadualan sesi kemusykilan agama melalui telefon.

Kaunselling masih lagi satu khidmat yang belum lagi popular di masjid-masjid kerana kemungkinan besar disebabkan kepakaran yang kurang. Namun ia adalah satu khidmat yang sememangnya diperlukan.

Cadangan berkaitan dengan persoalan ini ialah

- Mewujudkan jawatan kaunselor atau pegawai khidmat sosial diperingkat zon masjid atau yang berputar-putar (alternate) di beberapa buah masjid. Kaunselor ini boleh digajikan oleh MUIS atau dikongsi oleh masjid-masjid berkenaan.
- Mempergiatkan lagi usaha melatih para eksekutif dakwah di masjid dengan kemahiran kaunselling sebagaimana yang sedang dilakukan.
- Mewujudkan kaunselling dan kemusykilan agama secara *on line* melalui teknologi maklumat internet, laman web dan lain-lain.

#### 6. Program Perniagaan.

Masjid berpotensi untuk terlibat dalam bidang perniagaan yang boleh membantu ia mendapatkan sumber kewangan dan mengoptimumkan ruang bangunan yang ia ada.

Beberapa cadangan berkaitan dengan program ini, ialah

- Mewujudkan café. Café ini boleh memberi khidmat bagi para pelajar madrasah masjid, ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke tadika dan madrasah masjid, para jemaah yang menghadiri solat khususnya solat zohor. Dengan khidmat seperti ini ia akan memudahkan para pekerja pejabat yang datang bersolat. Mereka tidak perlu ke masjid dan kemudian ke pusat makanan untuk makan tengahari. Buat masa ini khidmat seperti ini masih lagi tidak dalam bentuk yang professional dan dalam banyak keadaan hanya dilakukan pada hari Jumaat sahaja.
- Mewujudkan kedai runcit di masjid. Tujuannya ialah agar para ibu bapa dan jemaah yang ke masjid di samping menunaikan ibadah dapat juga memenuhi keperluan harian mereka. Mereka tidak perlu ke masjid dan kemudian ke kedai kerana masjid menyediakan barang-barang keperluan rumah mereka juga. Alternatif lain selain kedai runcit ialah mewujudkan khidmat jualan barang-barang runcit dengan menghantar langsung ke rumah pelanggan. Ertinya sesiapa yang ingin membeli barang keperluannya hanya perlu menelefon masjid dan masjid akan menghantar barang tempahan ke rumahnya. Dengan cara ini masjid hanya

perlu mewujudkan stok barang-barang bukan kedai runcit.

- Menyediakan khidmat sewa keperluan peralatan majlis perkahwinan seperti khemah, kanvas, periuk, kerusi dan lain-lain. Rasionalnya ialah kebanyakan masjid mempunyai peralatan-peralatan seperti ini tetapi hanya menggunakannya sekali-sekala sahaja seperti semasa bulan Ramadhan. Khidmat ini membolehkan masjid mengoptimumkan asetnya dan mendapat pulangan yang cepat bagi pelaburan yang dibuat terhadap peralatan-peralatan itu.

#### 7. Program Pembaikan Pentadbiran Masjid.

Cadangan yang berkaitan dengan program ini ialah

- Mewujudkan kemudahan pendaftaran kursus, madrasah dan tadika melalui internet.
- Mewujudkan kemudahan masyarakat untuk memberi infaq ke masjid melalui internet.
- Merakamkan khutbah Jumaat atau kelas-kelas pengajian di masjid atau syarahan-syarahan dan meletakkannya di dalam internet agar ia dapat dimanfaatkan oleh masyarakat

Pastinya terlalu banyak pembaikan dan pembaharuan yang boleh dibuat bagi mewujudkan program-program soleh di masjid yang menepati dengan konteks semasa dan akan datang. Semoga apa yang dinyatakan dapat dimanfaatkan.